



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

Rujukan kami: BC/PA/L3/2016

Rujukan tuan: (33) DBKL.JPPP.13-1/4.Jld 2

YBhg Dato' Ibrahim bin Yusoff
Pengarah
Jabatan Perlesenan dan Pembangunan Penjaja
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tingkat 4, Menara DBKL 2
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

YBhg Dato'

Per: Notis Makluman melesenkan premis yang digunakan untuk aktiviti komersial di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 1986

Dengan hormatnya, kami merujuk kepada perkara di atas serta surat maklumbalas pihak YBhg Dato' bertarikh 5 Disember 2016.

Pihak kami dengan dukacitanya ingin merakamkan bahawa pihak Majlis Peguam tidak bersetuju dengan pandangan pihak YBhg Dato' berkenaan dengan aplikasi Undang-Undang tersebut terhadap firma-firma guaman.

Kuasa pihak YBhg Dato' untuk membuat undang-undang kecil adalah termaktub dalam S102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 yang memperuntukan bahawa pihak berkuasa tempatan boleh membuat Undang-Undang kecil untuk "*mengawal dan menyelia, dengan pendaftaran, pelesenan atau selainnya, termasuk dalam keadaan wajar dengan melarang sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam.*"

Pada pendirian pihak kami, pindaan Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 (P.U.(A) 230) yang diwartakan pada 1 September 2016, yang menetapkan bahawa pejabat yang menjalankan aktiviti pejabat urusan perlu dilesenkan adalah di luar bidangkuasa atau *ultra vires* S102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 kerana ia hanya terpakai kepada semua tred, perniagaan dan industri dan terutamanya dalam jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam.

Amalan guaman adalah merupakan satu profesion dan bukannya satu tred, perniagaan atau perindustrian dan terutamanya bukan jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam.

...2/-

Saya/Kami mengakui penerimaan dokumen ini:

Nama: **HALIM**


Jawatan:

Tandatangan: **4/1/2017**

Tarikh:

Waktu Penerimaan:

Cop:



www.malaysianbar.org.my

15, Leboh Pasar Besar

50050 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603-2050 2050

Fax : +603-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818

Email : council@malaysianbar.org.my

4 Januari 2017

**MUSTAHAK
DENGAN KADAR SEGERA**

Serahan Tangan

Oleh yang demikian, firma-firma guaman tidak seharusnya diklasifikasikan di bawah definisi dalam peruntukan perundangan utama (primary legislation) mahupun di bawah perundangan kecil (subsidiary legislation).

Pihak kami berharap pihak YBhg Dato' akan mengambil langkah-langkah wajar untuk membatalkan undang-undang kecil yang merupakan *ultra vires* S102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976.


Dalam keadaan sedemikian, pihak kami turut berharap pihak YBhg Dato' akan mengambil langkah-langkah wajar dan segera untuk menarik balik dan membatalkan notis-notis / saman-saman yang telah dikeluarkan secara salah terhadap firma-firma guaman. Pihak Majlis Peguam juga akan mengeluarkan satu surat pekeliling kepada ahli-ahli peguam Bar Malaysia berkenaan dengan isu ini.

Pihak Majlis Peguam telah pun memohon beberapa kali agar pihak YBhg Dato' dapat menetapkan tarikh untuk mengadakan satu mesyuarat supaya isu ini tidak berlarutan dan semua pihak dapat mengatasi dan menyelesaikan masalah tersebut pada kadar segera.

Kerjasama daripada pihak YBhg Dato' amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Karen Cheah Yee Lynn
Setiausaha
Bar Malaysia

- s.k. 1) **YBhg Tan Sri Noh bin Hj. Omar** Melalui Faks & Pos
Menteri
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- 2) **Sarengapani s/o K Rajoo & Brendan Navin Siva**
Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Profesion Undang-Undang